



Dari kiri, Arrippin, Pengurus majlis; Shahrin Nizal Mohd Nor dan Izzah pada **Wacana Sastera Kanak-kanak dan Remaja 2013: Permata Peradaban Negara.**

[SHIRAZ ALI / BH]



Antara khalayak **Wacana Sastera Kanak-kanak dan Remaja 2013** di BP, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Cerita rakyat Melayu kian pupus

» Kanak-kanak kini lebih banyak menghayati kisah dongeng dari Barat

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Sastera tradisional dari perspektif kanak-kanak dan remaja berpotensi untuk melangkah maju pada peringkat antarabangsa seperti dibuktikan sejarah apabila cerita rakyat

Melayu berjaya menarik perhatian pengkaji dan penyelidik Barat.

Cerita rakyat Melayu juga menjadi koleksi di Barat, tetapi di Malaysia ia semakin tidak dikenali oleh generasi muda dan jika ini berterusan, bagaimanakah wajah sastera tradisional ini dalam tempoh 10 tahun lagi?

Wacana Sastera Kanak-Kanak

dan Remaja 2013: Permata Peradaban Negara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlebar pada persoalan itu, turut membongkar warisan kesusasteraan lisan Melayu yang berada di Leiden, Belanda.

Pensyarah Linguistik Asia Tenggara, Universiti Leiden, Belanda, Dr ATPG Aone Van Angelenhoven yang berkongsi *Seeking to understand the Malay soul: Collecting and archiving Malay folk tales in The Netherlands*, mendakwa manuskrip Melayu

berada di Belanda kesan penaklukan dan peperangan di Kepulauan Nusantara pada abad ke-15.

“Universiti di Belanda menyimpan warisan sastera lisan Melayu atas sebab sejarah, iaitu kepentingan empayar Melayu itu sendiri. Perjanjian Inggeris-Belanda yang ditandatangani pada 1824 membela empayar Melayu kepada dua.

“Tidak semua harta benda Melayu milik Belanda diserah kepada British. Ini termasuklah manuskrip Melayu yang tersimpan di Leiden. Ia sudah menjadi harta simpanan perang dan mustahil Kerajaan Belanda memulangkannya kepada pemilik asal,” katanya pada wacana yang mendapat kerjasama Jaringan Komuniti Sastera Kanak-Kanak dan Remaja, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Belanda simpan khazanah Melayu

Dr Van Angelenhoven berkata, meskipun manuskrip Melayu tersimpan lama di Leiden, tetapi buku Belanda pertama yang memperkatakan sastera Melayu hanya terbit pada 1937 dan ditulis Christian Hooykaas, sebelum senaskhah lagi terbit pada 1940 yang berlebar pada cerita rakyat Melayu.

“Di Belanda, animasi cerita rakyat Melayu ditonton jutaan generasi muda. Ia ditayangkan di televisyen antara 1990 hingga 1999 dan 2000 hingga 2009, tetapi sarjana Belanda tidak melakukannya ke atas manuskrip Melayu. Mereka tidak faham dan tidak boleh bertutur bahasa Melayu, tetapi tahu cerita rakyat Melayu,” jelasnya.

Bekas Ketua Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja (Purnama) DBP



“Dalam konteks sastera kanak-kanak, **kehadiran tukang cerita sangat penting** kerana mereka belum mengenal huruf dan tidak pandai membaca, selain lebih mudah mendekati kesusasteraan dengan kehadiran pencerita”

Dr ATPG Aone Van Angelenhoven
Bekas Ketua Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja (Purnama) DBP



“Kita boleh memendekkan cerita yang panjang, tetapi kita tidak boleh memanjangkan cerita yang pendek. Berapa ramai yang tahu, versi asal *Bawang Putih* *Bawang Merah* mempunyai puisi sebenarnya?”

Datuk Arrippin Said
Penggiat sastera rakyat

Remaja (Purnama) DBP, Izzah Abdul Aziz, senada dengan Dr Van Angelenhoven, apabila mengakui penerbitan cerita rakyat semakin perlahaan, meskipun suatu ketika dulu rancak diusahakan.

“Dalam konteks sastera kanak-kanak, kehadiran tukang cerita sangat penting kerana mereka belum mengenal huruf dan tidak pandai membaca, selain lebih mudah mendekati kesusasteraan dengan kehadiran pencerita.

“Program penulisan semula dan penterjemahan cerita rakyat atas nama kesusasteraan kanak-kanak dilaksanakan oleh Pejabat Karang-Mengarang di Sultan Idris Training College (kini Universiti Pendidikan Sultan Idris) sejak 1940-an.

“Hasil penulisan ini dikenal sebagai *Library School Series*. DBP dan penerbit lain seperti Oxford University Press, Sinaran Bros, Longman dan Pustaka Antara menerbitkan cerita rakyat yang ditulis semula pada 1960-an.

“Ada banyak cerita rakyat yang diterbitkan dalam bentuk buku bergambar, misalnya *Bawang Putih Bawang Merah*, selain *Puteri Gunung Ledang*, tetapi ia mula perlahaan,” katanya ketika berkongsi pada suatu masa dahulu ... : Adakah cerita rakyat menyeronokkan atau menakutkan kanak-kanak.

Kedaaan itu menjadikan generasi muda hari ini lebih dekat dengan kisah dongeng Barat, *Snow White* atau *Cinderella* dan perkara itu perlu diberi perhatian jika Malaysia tidak mahu melihat sastera rakyat negara ini pupus.

Selamatkan cerita rakyat

Penggiat sastera rakyat terkenal tanah air, Datuk Arrippin Said yang membahagikan cerita rakyat kepada lima genre, iaitu cerita lipur lara, cerita asal-usul, cerita binatang, cerita jenaka dan cerita legenda.

“Cerita rakyat punya pengikut tersendiri dan berpengaruh dalam kalangan pembaca. Ibu bapa mahukan kandungan tempatan dalam karya sastera untuk anak mereka, tetapi berapa ramai penulis yang sanggup menyahut cabaran ini?

“Mereka asyik mengulang kisah yang sama. Misalnya *Bawang Putih Bawang Merah* atau *Hang Tuah*, tanpa mahu turun padang membuat penyelidikan sedangkan sastera lisan sebahagian daripada komponen kesusasteraan,” ketika melapah *Pengolahan Cerita Rakyat untuk Kanak-kanak dan Remaja*.

Baginya penulis yang mahu menulis cerita rakyat perlu mendapatkan bahan, meneliti dan memahaminya, bukan sekadar membaca buku sedia ada, lalu mengulang tulis kandungan serupa berulang kali.

“Kita boleh memendekkan cerita yang panjang, tetapi kita tidak boleh memanjangkan cerita yang pendek. Berapa ramai yang tahu, versi asal *Bawang Putih Bawang Merah* mempunyai puisi sebenarnya?” soalnya.